

**TEKS UCAPAN YANG DIPERTUA**  
**Majlis Cabutan Pemenang Promosi Bayaran**  
**Cukai Bagi Tahun 2012 Pada Bulan Disember 2011**  
**29 Februari 2012 (Rabu)**  
**Perkarangan Lobi Utama MPSP**

---

Terima kasih Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohaud  
Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Dihorati Ketua-Ketua Jabatan  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan-rakan pemberita

Yang diraikan pemenang-pemenang cabutan bertuah

Tuan/Puan yang saya hormati sekalian

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
Sejahtera**

1. Pertama sekali bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan izin-Nya, memberi kita semua kesihatan dan juga kelapangan yang baik pada hari untuk berkumpul di Majlis Cabutan Pemenang Promosi Bayaran Cukai Bagi Tahun 2011.
  
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua pemenang bagi program cabutan bertuah bayaran cukai taksiran bagi tahun 2011 MPSP. Kerjasama erat daripada warga pembayar cukai adalah amat diharapkan sebagai

pemangkin utama pembangunan seluruh Seberang Perai. MPSP sentiasa responsif dan prihatin dalam memberikan penyampaian perkhidmatan yang memenuhi ekspektasi pelanggan dan stakeholders secara keseluruhannya. Hasrat ini adalah seiring dengan visi MPSP iaitu “ Menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami, bekerja serta menjadi tarikan pelaburan” kepada seluruh komuniti dan stakeholders. Cukai adalah memberi pulangan perkhidmatan kepada rakyat seluruh Seberang Perai, yang mana telah termatri dalam Fokus 2012 MPSP amat ditekankan impak berganda dan nilai tambah yang berterusan kepada seluruh komuniti seiring dengan tema utama kami iaitu “Sustainability is Our Commitment” yang mana “Kemampanan Berterusan Adalah Komitmen Kami”.

3. Sukacita saya ingin maklumkan di sini bahawa Majlis Cabutan Pemenang Promosi Bayaran Cukai Setahun 2012 adalah terdiri daripada 21,495 pemilik premis layak menyertai cabutan. Seramai 36 orang pemenang telah dipilih yang mana pelbagai hadiah-hadiah menarik menanti pemenang. Hadiah-hadiah yang telah disediakan adalah 7 unit ipad 2, 3 unit netbook, 3 unit TV LCD, 6 unit handphone, 2 unit digital kamera dan 14 unit barang elektrik.
4. Para hadirin sekalian,  
Ingin saya nyatakan di sini, kutipan cukai keseluruhan pada bulan Disember 2011 yang menunjukkan peningkatan daripada tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM 15.57 juta telah berjaya

dikutip. Kutipan yang berjaya dicatat ini adalah satu enjin penggerak pembangunan Seberang Perai secara keseluruhannya.

5. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan tahniah kepada para pemenang bagi program cabutan bertuah bagi tahun 2012.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Sekian, terima kasih.